



SMK SRI TEBRAU
JALAN RENTAKA, TAMAN SRI TEBRAU
JOHOR BAHRU, JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019

1103/2(PP)

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan

Ogos

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pendidikan Johor**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

Markah penuh 110 markah**Soalan 1**

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
 (b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.
 (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
 (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

Soalan 1 – Rumusan

PENDAHULUAN		MARKAH
P1	Petikan membincangkan kebaikan / manfaat / kelebihan aura positif dalam kehidupan remaja di negara kita.	2
P2	Rumusan membincangkan kebaikan / manfaat / kelebihan aura positif dalam kehidupan remaja dan langkah-langkah memupuk aura positif.	2
P3	Petikan / rumusan membincangkan kebaikan / manfaat / kelebihan aura positif dalam kehidupan remaja	1
P4	Petikan membincangkan kebaikan / manfaat / kelebihan aura positif dalam kehidupan remaja dan langkah-langkah memupuk aura positif.	0

ISI TERSURAT [4 hingga 12 markah] Kepentingan aura positif dalam kehidupan remaja		MARKAH
S1	Berupaya mempengaruhi setiap orang di sekelilingnya	2
S2	Raut wajah yang menarik dan tinggi keyakinan akan dapat diperhati.	2
S3	Seseorang yang beraura positif senang didekati	2
S4	Aura positif yang bermula dengan dunia dalaman yang baik akan berupaya menentukan dunia luarnya.	2
S5	Dapat menghalang kemasukan gelombang negatif ke dalam tubuh.	2
S6	Mampu menukarkan aura negatif menjadi aura positif.	2
S7	Melahirkan individu yang sentiasa sihat dan jauh daripada penyakit.	2
S8	Membantu memacu kejayaan yang konsisten dalam kehidupan remaja	2

ISI TERSIRAT [4 hingga 12 markah] Langkah-langkah memupuk aura positif		MARKAH
T1	Sentiasa berfikiran positif / bersikap positif /	2
T2	Remaja perlu menjaga kesihatan diri.	2
T3	Remaja mengelakkan diri daripada terlibat dengan masalah sosial / jenayah.	2
T4	Remaja mesti bijak mengawal emosi.	2
T5	Remaja perlu mempunyai pegangan agama yang kukuh.	2
T6	Remaja mesti menambahkan ilmu / rajin belajar / mendalami ilmu dalam pelbagai bidang.	

PENDAHULUAN		MARKAH
K1	Kesimpulannya, remaja perlu berusaha memupuk aura positif dalam diri agar dapat membina imej diri yang positif.	2
K2	Kesimpulannya, remaja perlu berusaha memupuk aura positif dalam diri	1

b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20	9 - 10	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
	15 - 17	7 - 9	
Sederhana	12 - 14	6 - 7	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
	8 - 11	4 - 6	
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan.

Nota :

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10** markah]

Soalan 2

Markah penuh **35** dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis - Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan, ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a): Petikan Umum**Markah****(i) Maksud rangkai kata *kombinasi emosi* :**

- | | |
|---|---|
| - gabungan / cantuman / satuan perasaan | 2 |
| - gabungan / cantuman / satuan emosi | 1 |
| - kombinasi perasaan | 1 |

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Faktor yang boleh menukar aura positif menjadi aura negatif.:**

- | | |
|---|---|
| - perasaan negatif seperti marah, sedih, putus asa, gelisah, hasad dengki dan stres | 1 |
| - keadaan fizikal yang lemah disebabkan sakit, depresi atau keletihan | 1 |

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Cabaran yang dihadapi oleh remaja dalam membentuk aura positif:

- | | |
|---|---|
| - Remaja mudah terpengaruh dengan budaya barat / media massa / rakan sebaya yang bersikap negatif | 1 |
| - Remaja tidak mampu mengawal emosi dengan baik. | 1 |
| - Remaja tidak mendapat sokongan / dorongan (motivasi) daripada orang di sekeliling | 1 |
| - Kekurangan ilmu dalam diri remaja | 1 |
| - Pegangan agama yang lemah / tidak kuat | 1 |

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 2(b): Petikan cerpen**Markah****(i) Keadaan anak-anak muda di kota mewah:**

- | | |
|---|---|
| - Jiwa mereka rapuh | 1 |
| - Dihanyutkan keseronokan hidup dengan memperdagangkan maruah dan peribadi. | 1 |
| - Tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan merosakkan agama | 1 |
| - Lelaki perempuan berpelesenan dalam pergaulan bebas | 1 |
| - Bergelak tawa dalam loghat yang direka-reka | 1 |

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Langkah yang perlu diambil oleh ibu bapa untuk membendung keruntuhan akhlak generasi muda di kawasan bandar:

- | | |
|--|---|
| - ibu bapa memberi didikan agama dan moral kepada anak-anak | 1 |
| - ibu bapa mencurahkan kasih sayang / perhatian yang secukupnya kepada anak-anak | 1 |
| - ibu bapa mengawal dan mengawasi tindakan / tingkah laku anak-anak | 1 |
| - ibu bapa menghabiskan sebahagian masa dengan anak-anak | 1 |
| - ibu bapa memerhatikan perubahan-perubahan pada diri anak-anak | 1 |
| - ibu bapa sentiasa memberi nasihat-nasihat yang baik kepada anak-anak secara berterusan | 1 |

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Pengajaran dalam petikan :

- **Kita hendaklah menjaga maruah diri demi menjaga nama baik keluarga**
Contohnya, Mel menyaksikan anak-anak muda di kota hanyut dengan keseronokan hidup sehingga menggadaikan maruah diri dan peribadi. [1+1]
- **Kita mestilah memelihara bahasa yang dituturkan dalam kehidupan seharian**
Contohnya, anak-anak muda lelaki perempuan berpelesiran dalam pergaulan bebas sambil bercakap dalam bahasa yang entah apa-apa. [1+1]
- **Kita hendaklah mempunyai jati diri yang kukuh agar tidak mudah terpengaruh dengan perkara yang negatif**
Contohnya, anak-anak muda di kota telah hilang identiti dan jati diri mereka sehingga mudah terpengaruh dengan keseronokan hidup yang merosakkan mereka.

Pengajaran dalam keseluruhan cerpen :

- **Kita hendaklah taat akan perintah ibu bapa agar hidup lebih selamat.**
Contohnya, Mel taat akan perintah Bonda yang tidak membenarkannya berhijrah ke bandar kerana pada pendapat Bonda, Mel masih belum cukup kuat jati diri untuk tinggal di bandar. [1+1]
- **Kita mestilah mempunyai ilmu agama yang kukuh agar dapat menjadi benteng diri.**
Contohnya, bonda hanya membenarkan Mel ke kota setelah benar-benar yakin dengan pegangan dan ilmu agama agar Mel tidak mudah dipengaruhi budaya negatif di kota [1+1]
- **Kita hendaklah rajin membaca untuk meningkatkan pengetahuan**
Contohnya, Mel telah mengkaji teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah serta membaca banyak buku lama milik ibunya. [1+1]
- **Kita tidak boleh mudah putus asa apabila menemui kegagalan**
Contohnya, Mel meminta izin ibunya sekali lagi apabila sudah lebih bersedia untuk tinggal di kota walaupun hasratnya itu pernah ditolak oleh ibunya. [1+1]

[Maksimum: 4 markah]**** Terima mana-mana pengajaran lain yang berkaitan**

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik**Markah****(i) Peristiwa yang terjadi selepas Paduka Raja dan Seri Nara Diraja menjadi orang besar:**

- | | |
|--|---|
| - anak Melayu berbelah/terbahagi dua | 1 |
| - separuh berpihak pada Paduka Raja | 1 |
| - separuh berpihak pada Seri Nara Diraja | 1 |

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Reaksi Sultan Muzaffar Syah:**

- | | |
|--|---|
| - baginda terlalu dukacita melihat kelakuan Paduka Raja dan Seri Nara Diraja | 1 |
| - baginda berfikir bahawa negeri Melaka akan binasa | 1 |
| - baginda berpendapat hendak memuafakatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja | 1 |
| - baginda menyuruh memanggil Seri Nara Diraja | 1 |
| - baginda ingin tahu jika Seri Nara Diraja mahu beristeri | 1 |

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Seseorang pemimpin perlu memerintah secara adil dan saksama dalam pemerintahannya kerana :

- | | |
|--|---|
| - Dapat memastikan keharmonian dan perpaduan rakyat | 1 |
| - Dapat mengekalkan keamanan dan kemerdekaan negara daripada ancaman musuh | 1 |
| - Menaikkan imej negara sebagai negara maju dan berdaya saing | 1 |
| - Dapat merancang pembangunan negara | 1 |
| - Memastikan keselamatan negara terjamin / terpelihara | 1 |

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 2(d) : Sajak**Markah****(i) Maksud rangkap kelima sajak :**

- | | |
|---|---|
| - Penyajak sentiasa berusaha memperbaiki dirinya dengan bertekad untuk berubah ke arah kebaikan walaupun dia tidak mengetahui apa-apa yang bakal ditempuhnya pada hari-hari yang mendatang. | 2 |
|---|---|

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Persediaan untuk mengharungi kehidupan yang penuh cabaran dan dugaan ini :**

- | | |
|---|---|
| - Mendalami ilmu duniawi dan ukhrawi untuk menangkis cabaran / pengaruh negatif | 1 |
| - Meningkatkan jati diri agar tidak mudah terpengaruh | 1 |
| - Memiliki kemahiran yang diperlukan | 1 |
| - Sentiasa bermuhasabah dan memperbaiki kelemahan diri | 1 |

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Persoalan :**- Persoalan kepentingan merancang kehidupan.**

Contoh : Dalam diri penyajak, dia telah membuat pelbagai perancangan yang akan dilakukan bagi menyelesaikan segala masalah / kesusahan yang dihadapinya. [1+1]

- Persoalan kegigihan untuk menyelesaikan masalah.

Contoh : Dalam pemikiran penyajak, dia mencuba memikirkan cara untuk mengatasi masalahnya agar dirinya tidak mudah dipermainkan oleh orang lain.

[1+1]

- Persoalan cara menjalani hidup dengan bermanfaat.

Contoh : Penyajak menasihati pembaca agar tidak mensia-siakan hidup sebaliknya pembaca wajar mendekati Tuhan.

[1+1]

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

**** Terima persoalan lain yang sesuai****Soalan 3**

Markah penuh dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6 markah**Soalan 3(b) : **6 markah**Soalan 3(c) : **6 markah**Soalan 3(d) : **6 markah**Soalan 3(e) : **6 markah****Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

Jawapan 3(a)

- (i) **antibiotik**
(ubat) sj bahan kimia yang dihasilkan oleh mikroorganisma yang blh mencegah pembiakan atau memusnahkan mikroorganisma lain spt bakteria (digunakan dalam rawatan penyakit berjangkit pd manusia, binatang dan tumbuhan).
- (ii) **nasionalisme**
1. perasaan cintakan bangsa dan negara sendiri yg mendalam
 2. pergerakan utk mencapai kebebasan ekonomi dan politik drpd kuasa asing, semangat kebangsaan
- (iii) **tatatertib**
peraturan-peraturan yg mesti dipatuhi, disiplin.
- (iv) **poliklinik**
hospital atau klinik tempat merawat berbagai-bagai penyakit.
- (v) **iktibar**
ar pengajaran, contoh, ibarat, teladan
- (vi) **mustajab**
1. berjawab atau dikabulkan (doa, permintaan, dll), makbul
 2. bp mujarab; memustajabkan menjadikan makbul (doa, permintaan dll), memakbulkan, memper-kenankan

[6 markah]**Jawapan 3(b)****Menyambungkan ayat**

- (i) Pihak polis telah menumpaskan sindiket pengedaran dadah antarabangsa **dan** empat orang lelaki Afrika tertangkap **kerana** telah menipu ramai rakyat Malaysia terutamanya gadis tempatan.
- (ii) Restoran Selera Cik Siti menawarkan pelbagai jenis makanan **dan** minuman **yang** menjadi tarikan utama pelanggan untuk ke restoran itu.
- (iii) Pembukaan taman tema air dapat membantu menjana pendapatan negara **dan** menarik kemasukan pelancong asing **serta** boleh mengeratkan hubungan silaturahim dengan keluarga.

[6 markah]

Jawapan 3(c)**Kesalahan ejaan dan imbuhan**

- | | | | |
|-------|--------------|---|-------------|
| (i) | progrem | - | program |
| | tulisan | - | penulisan |
| (ii) | warga negara | - | warganegara |
| | diundi | - | mengundi |
| (iii) | ekspres | - | ekspres |
| | dikunjung | - | dikunjungi |

[6 markah]**Jawapan 3(d)****Kesalahan istilah dan tatabahasa**

- | | | | |
|-------|-------------------|---|-------------------|
| (i) | membentuk | - | mewujudkan |
| | kedua | - | kedua-dua |
| (ii) | susun arah | - | susun atur |
| | mini perpustakaan | - | perpustakaan mini |
| (iii) | sampai | - | tiba |
| | rakyat-rakyat | - | rakyat |

[6 markah]**Jawapan 3(e)****Maksud peribahasa**

- (i) **Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.**
- beruntung banyak sama-sama mendapat banyak, beruntung sedikit sama-sama mendapat sedikit / Pengagihan yang sama banyak.
- (ii) **Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.**
- tidak akan tercapai cita-cita dgn tidak berusaha kuat
- (iii) **Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat.**
- Kata sepakat yang dicapai dalam mesyuarat.

[6 markah]

Soalan 4
Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

Perhatian bagi soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.
 (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
 (iii) Berikan 2 markah bagi **tema** yang tepat.
 (iv) Berikan 1 markah bagi setiap huraian yang lengkap dan jelas.
 (v) Markah isi maksimum 4 markah.
 (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
 (vii) Markah bahasa diberikan secara `impression`
 Baik = 3 markah
 Sederhana = 2 markah
 Lemah = 1 markah
 (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
 (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
 (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
 (iii) Beri 2 markah untuk **peristiwa yang menunjukkan kasih sayang** bagi setiap novel.
 (iv) Berikan 1 markah bagi setiap huraian yang lengkap dan jelas.
 (v) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
 (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
 (vii) Markah bahasa diberikan secara `impression`
 Baik = 2 markah
 Lemah = 1 markah
 (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
 (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 8 markah]

Soalan 4(a) : Tema

Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

Tema : Penggunaan teknologi maklumat yang begitu canggih boleh menguasai pemikiran manusia sehingga hilang rasa kemanusiaan walaupun dalam kalangan ahli keluarga sendiri.

Huraian :

1. Karl terlalu taksab untuk membuktikan kehebatannya dalam ciptaan sains sehingga melupakan aspek kemanusiaan. Karl telah mengorbankan ramai manusia dan menjadikan mereka sebagai bahan kajian.
2. Karl menanam pelbagai implan dan memasukkan pelbagai ubat dalam tubuh anaknya Farisha untuk menjadikannya genius dan mampu meneruskan kepandaianya dalam bidang sains.
3. Karl menyeksa isterinya Rusmina hingga cacat dan menukarnya menjadi cyborg yang bernama Alia.

Silir Daksina karya Nizar Parman**Tema : Kekeluargaan.****Huraian :**

- Konflik keluarga yang dialami oleh Haiqal berpunca daripada perceraian kedua-dua orang ibu bapanya menyebabkan uminya memisahkannya daripada ayah kandungnya, iaitu Abdullah Bin Kayan.
- Umi menceritakan kisah perkahwinannya selama 3 tahun yang tidak bermakna kepada Haiqal. Umi juga tidak mahu Haiqal menjadi penulis seperti ayahnya kerana merasakan kehidupan penulis seperti hidup dengan bayang-bayang.
- Haiqal sanggup ke Batu Pahat, Johor seorang diri untuk menjejaki sejarah hidup arwah ayahnya. Walaupun Haiqal tidak mengenali sesiapa pun di Kampung Seri Purnama.
- Cikgu Nizam sering menetap potret wajah anaknya, iaitu Aiman pada setiap malam kerana rindu akan anaknya itu. Cikgu Nizam kadangkala menangis akibat terlalu merindui anaknya.

** Terima huraian tema lain yang sesuai

Soalan 4(b) Peristiwa menunjukkan kasih sayang**Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor**

1. Peristiwa Azraai memasang sistem keselamatan 'retina scanner' di apartmen Farisha kerana risau akan keselamatan adiknya. Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang abang terhadap adiknya walaupun hanya adik angkat.
2. Peristiwa Medina melarikan Farisha ketika masih bayi dan menyerahkan kepada keluarga angkat supaya tidak dijadikan bahan ujikaji oleh Karl. Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang ibu terhadap anaknya yang tidak sanggup melihat anaknya menderita.
3. Peristiwa Farisha menangis apabila mendapat tahu abangnya Azraai menghidap penyakit jantung. Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang adik terhadap abangnya walaupun hanyalah keluarga angkat.
4. Peristiwa Karl mengubah adiknya Aqraam menjadi seorang cyborg yang sempurna kerana dia tidak mahu melihat adiknya meneruskan kehidupan sebagai kanak-kanak yang terencat akal. Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang abang terhadap adiknya yang tidak mahu adiknya menjalani kehidupan yang sukar.

** Terima peristiwa nilai kasih sayang lain yang sesuai

Silir Daksina karya Nizar Parman

1. Peristiwa Abdullah Kayan sangat menyayangi anaknya, Haiqal Hakimi. Dia terlalu merindui anaknya sehingga menghasilkan sebuah manuskrip untuk menceritakan kisah hidupnya kepada anaknya. Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang seorang ayah terhadap anaknya yang telah dipisahkan oleh isterinya sendiri.
2. Peristiwa Haiqal yang sangat menyayangi arwah ayahnya, Abdullah Bin Kayan. Dia sanggup pergi ke Batu Pahat Johor untuk menyingkap rahsia kehidupan arwah ayahnya walaupun setelah ayahnya meninggal dunia. Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang seorang anak terhadap bapanya.
3. Peristiwa walid berjanji akan menampung kos kehidupan Haiqal sepanjang Haiqal berada di Johor. Hal ini kerana umi telah melarang Haiqal dan tidak mahu menyokong Haiqal ke kampung arwah ayahnya. Walaupun Haiqal hanya anak tirinya, walid menyayangi Haiqal sama seperti dia menyayangi anaknya sendiri Siti Asiyah. Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang antara ahli keluarga walaupun hanyalah keluarga tiri.

** Terima peristiwa nilai kasih sayang lain yang sesuai

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT